

Telephone: Students Unit
(020 7402 0045)
Students Hostel
(020 7402 0953)
Fax: 020 7262 8406
Website: www.upp.org.uk
Email: admin@upp.org.uk



سورھنجاي تيقيكي نكار بروني دارالسلام

SURUHANJAYA TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
HIGH COMMISSION OF BRUNEI DARUSSALAM

(STUDENTS UNIT)
35 – 43 Norfolk Square
London W2 1RX

BSU/HEU/46/98

7 Ramadhan 1430H
17 September 2009M

Yang Mulia

Pegawai-pegawai dan Kakitangan Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam, Pegawai-pegawai dan Kakitangan di Pejabat Penasihat Pertahanan, Pegawai-pegawai Unit Penuntut-penuntut, Pegawai-pegawai Agensi Pelaburan Brunei, Pegawai-pegawai Kesington Palaces Garden dan Penuntut-penuntut Brunei Hall (Permanent Residence dan Transit Students)

Pengiran/Awangku/Dayangku/Tuan/Puan/Awang/Dayang.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**PER: MAJLIS SAMBUTAN NUZUL AL-QURAAAN DAN MAJLIS KHATAM AL-QURAAAN
SETERUSNYA BERSUNGKAI (MA`IDATUR RAHMAN) 1430H/2009M**

Dengan penuh hormat dan ta`zim sukacita di maklumkan bahawa majlis sambutan Nuzul Al-Quraan dan Khatam Al-Quraan seterusnya bersungkai (*ma`idatur rahman*) akan diadakan pada:-

Hari : SABTU
Tarikh : 22 Ramadhan 1430H bersamaan 12hb September 2009M
Jam : 5.20 petang
Tempat : Surau Brunei Hall

Oleh yang demikian sambutan Nuzul Al-Quraan yang di jadualkan pada **17 Ramadhan 1430H bersamaan 7hb September 2008M** adalah di ubah tarikh sambutanannya dan disamakan dengan tarikh majlis Khatam Al-Quraan yang akan diadakan sepertimana tarikh di atas.

Sehubungan dengan itu, Peramba/Saya mewakili Pengerusi keugamaan SJT menjunjung Pengiran/Awangku/Dayangku serta mempersilakan Awang/Dayang dan keluarga untuk sama-sama menyemarakkan majlis yang penuh keberkatan ini. Semoga kitani semua akan mendapat syafa`at daripada lumih-lumih kalamullah dan maghfirah Allah s.w.t dalam kitani mengagungkan kalimah-kalimah Allah s.w.t Amin Ya Rabbal `Alamin...

Firman Allah s.w.t

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu, hanyalah mereka yang apabila di sebut (nama) Allah, gementerlah hati mereka, dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatNya, bertambahlah iman mereka kerananya dan kepada Tuhanlah mereka bertawakkal" (surah Al Anfal ayat 2)

والسلام

Dengan hormat

Hj Raminay Hj Salleh

Setiausaha Komiti Keugamaan SJT, London

ATURCARA MAJLIS KHATAM AL QURAAAN BULAN RAMADHAN AL MUBARAK TAHUN 1430H/2009M

TARIKH :

22 Ramadhan 1430H *bersamaan* 12hb September 2009M

TEMPAT :

SURAU BRUNEI HALL

- 5.15 ptg : Pegawai-pegawai dan keluarga serta penuntut-penuntut hadir.
- 5.20 ptg : Tetamu kehormat
Tuan Hj Mohd Aziyan Abdullah
Timbalan Pesuruhjaya Tinggi
Negara Brunei Darussalam
United Kingdom.
- : Majlis di mulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai diketuai oleh Pegawai Pelajaran/Ugama
- : Majlis khatam di mulakan dengan bacaan Surah Dhuhaa hingga Surah An-Naas
- : Bacaan Tkhtim
- : Doa khatam
- 7.25 mlm : Beduk/Azan sembahyang Fardhu Maghrib, bersungkaik dan sembahyang Fardhu Maghrib berjamaah
- : Menikmati jamuan.
- : Bersurai.